

MINIT MESYUARAT PANITIA BAHASA CINA BIL.1 2023/2024

Tarikh: 16.03.2023

Hari : Rabu

Masa : 2:00 Petang

Tempat : Bilik Darjah 5M SJK C Chap Khuan

Kehadiran : 8/8

Bil	Nama	Jawatan
1	Ooi Kim Choo	Ketua Panitia
2	Yap Yen Ling	Setiausaha
3	Chin Su Ni	Guru Akademik Biasa
4	Gwee Siew Teng	Guru Akademik Biasa
5	Tan Xiao Yan	Guru Akademik Biasa
6	Chiang Kok Yoong	Guru Akademik Biasa
7	Tan Xiao Yun	Guru Akademik Biasa
8	Chong Sue Ling	Guru Akademik Biasa

HADIR BERSAMA

1. Pn.Teo Ah Thim Pk Pentadbiran

TIDAK HADIR BERSEBAB:

1.-

URUS SETIA MESYUARAT:

1. Yap Yen Ling (Setiausaha Panitia Bahasa Cina)

AGENDA:

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Pengerusi menyarankan agar semua guru memahami dengan jelas dasar-dasar, isu-isu, program-program, visi, misi, matlamat dan prosedur kerja Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Negeri Selangor, Pejabat Pelajaran Daerah Gombak dalam melaksanakan tugas agar mencapai kualiti kerja yang efisien dalam norma baru.
- 1.2 Pengerusi juga mengharapkan kerjasama yang padu agar tugas dapat dilaksanakan dengan baik sepanjang tahun. Malahan guru juga diingatkan agar membuat persediaan awal supaya beban kerja dapat diurus dengan baik dan memantapkan prestasi Sains untuk meningkatkan pencapaian murid-murid.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

2.1 Cik Tan Xiao Yan mencadangkan Minit Mesyuarat Bil.4 2022/2023 disahkan dan disokong oleh En Chiang Kok Yoong tanpa pindaan.

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada

4.0 PERBINCANGAN / PERKARA-PERKARA BAHARU

4.1 Pembentukan AJK baharu Panitia Bahasa Cina Tahun 2023/2024 (Rujuk Lampiran 1)

4.1.1 Semua AJK diingatkan agar memberi kerjasama dalam melaksanakan program-program

yang telah dirancang mengikut takwim sekolah mahupun perancangan strategik panitia serta membantu pihak pentadbir menjalankan tugas. Pembahagian tugas akan diberikan dari semasa ke semasa dan akan diadakan perjumpaan kumpulan kecil jika ada aktiviti yang akan dijalankan.

4.1.2 Guru dimaklumkan bahawa mesyuarat akan diadakan tiga kali setahun.

Makluman

4.1.3 Guru-guru diminta untuk mengisi butir-butir diri di dalam borang biodata guru dan juga jadual waktu dalam borang (Google Sheet) yang disediakan dan muat naik di Google Drive Fail Panitia Bahasa Cina.

Tindakan : Guru mata pelajaran

4.2 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT)

4.2.1 DSKP dan RPT telah siap disediakan dan diedarkan kepada semua guru mata pelajaran. Guru-guru juga boleh muat turun DSKP dan RPT dari Google Drive Fail Panitia untuk rujukan sepanjang tahun.

4.2.2 RPT yang mengandungi pendekatan bertema telah disediakan menggunakan strategi 2 (subtema yang sama melalui beberapa mata pelajaran)

Tindakan : Guru mata pelajaran

4.3 Persediaan Mengajar dan ERPH

4.3.1 Penulisan ERPH hendaklah mengikut format ERPH yang ditetapkan dan diselaraskan mengikut pekeliling. Aktiviti PdPc abad ke-21 boleh dijalankan mengikut prosedur dan mestilah berpusatkan murid.

4.3.2 Penulisan ERPH perlu dibuat seperti biasa walaupun berlangsungnya program sekolah dan juga ketika peperiksaan. Catatan perlu dibuat sekiranya pembelajaran dan pemudahcaraan tidak dapat dijalankan.

4.3.3 ERPH hendaklah dihantar untuk semakan pentadbir pada setiap hari Jumaat.

Tindakan : Guru mata pelajaran

4.4 Pentaksiran Bilik Darjah dan KPI Bahasa Cina bagi tahun 2023/2024

- 4.4.1 Semua guru wajib menyediakan rekod perkembangan murid untuk merekodkan tahap perkembangan dan penguasaan pembelajaran murid untuk tujuan semakan, bahan sokongan dan bukti oleh pegawai, pentadbir dan ibu bapa. Pentaksiran PBD perlu dinyatakan di dalam penulisan ERPH untuk semakan pelaksanaannya dan rujukan
- 4.4.2 Guru perlu seimbang dan adil dalam memberikan tahap penguasaan kepada murid mengikut standard pembelajaran setelah murid diajar sesuatu kemahiran atau sedia ditaksir secara berterusan.
- 4.4.3 Guru mata pelajaran perlu merujuk penguasaan PBD Bahasa Cina Akhir Tahun 2022/2023 untuk menjalankan program intervensi untuk membantu murid meningkatkan tahap penguasaan. Program yang dilaksanakan mesti bersesuaian dengan tahap penguasaan murid.

Analisis tahap penguasaan PBD Akhir Tahun 2022/2023 bagi Bahasa Cina Tahun 1-6.

Tahun	Bilangan murid (orang)					
	TP1	TP2	TP3	TP4	TP5	TP6
1	0	5	5	5	5	0
2	0	3	16	11	5	0
3	0	11	5	11	1	0
4	0	10	15	9	10	0
5	0	3	15	6	4	0
6	0	0	12	19	6	8

Tindakan : Guru mata pelajaran

- 4.4.4 Berikut merupakan KPI Bahasa Cina yang perlu disasarkan bagi tahun 2023/2024

KPI	Sasaran Prestasi
Peningkatan Peratus MTM BC Pemahaman PAT Tahun 6	67.31
Peningkatan Peratus MTM BC Pemahaman PAT Tahun 5	67.94
Peningkatan Peratus MTM BC Pemahaman PAT Tahun 4	54.75

Makluman

4.5 Peperiksaan dan Penggubalan Soalan

- 4.5.1 Peperiksaan akan dijalankan dua kali setahun bagi tahap dua. Penggubal soalan

mengikuti dikehendaki menyediakan soalan mengikut format dan skop peperiksaan serta masa yang ditetapkan. Soalan yang disediakan hendaklah memberi penekanan kepada soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.

- 4.5.2 Guru diingatkan agar merujuk jadual peperiksaan dan jadual penggubal soalan di dalam takwim sekolah. Penggubal soalan perlu menyediakan satu salinan soalan bersama skema jawapan kepada ketua panitia untuk difailkan. (Rujuk Lampiran 2)

Tindakan : Guru Tahap 2

4.6 Kewangan dan Anggaran Perbelanjaan

- 4.6.1 Guru yang ingin mencadangkan bahan bantu belajar untuk memudahkan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan boleh memaklumkan kepada ketua panitia dengan kadar yang segera agar peruntukan dapat digunakan dan diuruskan dengan baik mengikut kaedah dan prosedur berbelanja.

Tindakan : Guru mata pelajaran

4.7 Aktiviti Tahunan Panitia Bahasa Cina

- 4.7.1 Guru diminta memberi kerjasama dan membuat persediaan lebih awal untuk melatih murid yang berpotensi secara berkala bagi menjayakan program yang dirancang mengikut takwim sekolah. Pembentukan AJK akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

- 4.7.2 Aktiviti panitia yang dijalankan di peringkat sekolah adalah seperti berikut:
- LADAP: Bengkel Pedagogi dalam Bahasa Cina
 - LADAP: Bengkel Pembinaan Item UASA Bahasa Cina
 - Pertandingan Kaligrafi Sempena Tahun Baru Cina Tahun 4 hingga Tahun 6
 - Pertandingan Syarahan Tahun 5 dan Tahun 6
 - Pertandingan Tulisan Bahasa Cina Tahun 1 hingga Tahun 6
 - Pertandingan Bercerita- Tahun 1 hingga Tahun 4
 - Pertandingan Membina Ayat dan Mengarang Tahun 1 - Tahun 6

- 4.7.3 Aktiviti Kecemerlangan dan Peningkatan Akademik serta intervensi perlu diteruskan.
- Program Sinar
 - Kelas Menggapai Bintang
 - Program MuCir
 - Seminar Teknik Menjawab Soalan Bahasa Cina (Murid Tahap 2)
 - Bengkel Pemantapan Kemahiran Asas Kaligrafi Bahasa Cina

Tindakan : Guru mata pelajaran

- 4.7.4 Bahan Program Sinar perlu dicetak untuk setiap kelas untuk kegunaan murid pada setiap hari Selasa.

Tindakan : Guru mata pelajaran

- 4.7.5 Guru yang terlibat untuk melatih pasukan sekolah untuk pertandingan deklamasi sajak dan syarahan anjuran Majlis Guru Besar SJKC perlu melatih murid secara berkala dan bersedia untuk pertandingan.

Tindakan: Guru Latihan Khas BC

5.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Tiada

6.0 HAL – HAL LAIN

6.1 Aktiviti dan Sesi Pembelajaran dan Pemudahcaraan

- 6.1.1 Guru diingatkan untuk menulis dan menerangkan objektif pembelajaran dan Kriteria kejayaan kepada murid sebelum memulakan pengajaran.
- 6.1.2 Guru perlu menggunakan bahan bantu belajar yang inovatif untuk menarik minat murid.
Guru-guru diminta memberi perhatian dan bimbingan yang berterusan kepada murid-murid yang belum menguasai kemahiran dengan baik melalui pembelajaran terbeza sama ada dari segi kandungan, proses dan hasil.
- 6.1.3 Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) diteruskan di peringkat sekolah dan akan melibatkan semua guru mata pelajaran Bahasa Cina untuk meningkatkan pengajaran guru melalui pertukaran idea untuk kepentingan guru. Learning Walk perlu diadakan sekurang-kurangnya tiga kali atau lebih sepanjang tahun serta menjalankan Coaching dan Mentoring secara berterusan
- 6.1.4 Aktiviti pengajaran dan pembelajaran mesti memberi penekanan terhadap PAK-21 yang sesuai dengan keadaan sekarang dan KBAT. Guru mata pelajaran perlu giat berusaha untuk membantu murid-murid yang masih tidak menguasai dengan memperkukuhkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran melalui latihan pemulihan, pengayaan dan pemulihan agar mencapai sasaran yang ditetapkan untuk menghadapi masalah keciciran di kalangan murid.
- 6.1.5 Guru diminta sentiasa bersedia untuk dicerap sama ada pihak pentadbir atau pegawai pada bila-bila masa. Jadual pencerapan boleh dirujuk di dalam buku pentadbiran.

Tindakan : Guru mata pelajaran

6.2 Buku Kerja dan Pengagihan Latihan Murid

- 6.2.1 Latihan murid perlu diberi mengikut sasaran yang ditetapkan dalam buku pentadbiran sekolah. Pelaksanaannya perlu diberi perhatian agar seimbang dengan kemahiran dan tahap penguasaan murid. (Rujuk Lampiran 3)
- 6.2.2 Guru juga diingatkan tentang semakan buku latihan murid dan perlu dicapkan agar ibu bapa boleh mengetahui prestasi dan hasil kerja murid.

Tindakan : Guru mata pelajaran

6.3 Melindungi Masa Instruksional

- 6.3.1 Guru harus mengoptimumkan masa instruksional di dalam bilik darjah. Guru perlu menyediakan bahan sekiranya mempunyai urusan rasmi kepada GPK untuk diserahkan kepada guru ganti. Penyerahan bahan perlu direkodkan di dalam borang yang disediakan.

Tindakan : Guru mata pelajaran

6.4 Sudut Panitia Bahasa Cina

- 6.4.1 Semua guru Bahasa Cina diingatkan mempamerkan hasil murid pada sudut Bahasa Cina di dalam kelas dan papan kenyataan.

Tindakan : Guru mata pelajaran

- 6.4.2 Guru diingatkan untuk mengemaskini sudut papan kenyataan Bahasa Cina dengan memaparkan bahan yang bersesuaian mengikut tajuk atau tema.

Tindakan : Guru mata pelajaran

6.5 Rekod Pengambilan Bahan Bantu Belajar

- 6.5.1 Guru ditegaskan untuk merekodkan pengambilan bahan bantu belajar dalam Rekod penggunaan BBM yang telah dimuat naik dalam Google Drive.


Tindakan : Guru mata pelajaran

7.0 PENUTUP

Mesyuarat guru ditangguhkan pada jam 3:00 petang.

Lampiran 1:

CARTA ORGANISASI PANITIA BAHASA CINA
SJK(C) CHAP KHUAN 2023/2024



AJK
TAN XIAO YAN

AJK
TAN XIAO YUN

AJK
GWEE SIEW TENG

Lampiran 2:

科目 M/P	月份 BULAN	华语 BC	国语 BM	英语 BI	数学 MA T	科学 SAIN S	历史 SE J	道德 P. Moral	回教 P. Islam	RB T	美术 SEN I	体健 PK	音乐 MZ K
TAHU N 4 四年级	UJIAN PERTENG AHAN SESI AKADEMIK (OGOS)	魏	MAI	VIJA YA	静	岑	燕	-	-	-	-	-	-
	UASA (JAN 2024)	-	-	-	-	-	-	魏	AZR IE	勇	兰	筠	筠
TAHU N 5 五年级	UJIAN PERTENG AHAN SESI AKADEMIK (OGOS)	勇	SHA HRU L	VIJA YA	詹	叶/兰	岑	-	-	-	-	-	-
	UASA (JAN 2024)	-	-	-	-	-	-	燕	AZR IE	婷	筠/ 兰	静	蔡
TAHU N 6 六年级	UJIAN PERTENG AHAN SESI AKADEMIK (OGOS)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	UASA (JAN 2024)	-	-	-	-	-	-	筠	AZR IE	勇	筠	婷	蔡

Lampiran 3:

2023/2024年 各班级华语科功课指

序	练习本/作业名称	课业形式(供参考)	一年级	二年级	三年级	四年级	五年级	六年级
1	生字(20) 一至三年级:田字格 四至六年级:中小方格	<ul style="list-style-type: none">习写有关生字、汉语拼音、笔画数量、部首及生字构词(三次)例: 张 zhang 7画 弓 张贴 张贴 张贴	√	√	√	√	√	√
2	语文练习(20) 一年级:大方格 二、三年级:中方格 四至六年级:中小方格	<ul style="list-style-type: none">习作各类语文知识 例:根据课文回答问题、解答高思维题。习作各类语文技能 例:量词、关联词、排列句子等古诗(10)	√	√	√	√	√	√

3	<p>听写、认字(20)、 默写(10)</p> <p>一年级:大方格 二、三年级:中方格</p> <p>听写、认字(20)、 默写(15)</p> <p>四至六年级:中小方格</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● 课文词汇听写 ● 课文认字听写 ● 作文常用词汇听写 ● 默写优美句子或段落 ● 题数的多寡可根据学生程度 	默写 10 第二 学期 开始	√	√	√	√	√
4	<p>心情记录簿</p> <p>二、三年级: 中方格(15)</p> <p>四至六年级: 中小方格(20)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● 学生抒发情感或与老师交流的本子。 ● 书写形式自由 ● 略改 ● 老师可写上评语以作鼓励 	第二 学期 开始		√	√	√	√
5	<p>写话、作文</p> <p>(本子种类由各年级的科 任商量决定)</p>	<p>一年级:(20篇)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● 观察实物、图片或根据情况写句子。 <p>二、三年级:(25篇)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● 根据课文内容或相关教材写话。 ● 开始引导学生写命题作文。 <p>四至六年级:(30篇)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● 命题作文 ● 供料作文 		√	√	√	√	√
6	<p>华语活动本 (政府贷书)</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● 根据课文教学进度做练习。 		√	√	√		
7	<p>中楷作业</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● 根据课程内容指导学生习写中楷。 			√	√	√	√
8	<p>课堂评估本</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● 根据各单元提供课堂评估练习 		√	√	√		
9	<p>华语增广作业/ 课堂评估本</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● 根据各单元提供各种练习。 				√	√	√

		<ul style="list-style-type: none"> 根据各单元提供课堂评估练习 						
		作业总数量(全年)	6	7	8	7	7	7

备注：1. 括号的数量为全年须完成的最少练习篇数。
 2. 最少20个练习的作业是根据每个年级的课文单元数量。